

# Raih lebih RM100,000 semusim

**Pemancing mampu raih hasil tangkapan cecah ratusan kilogram**

MOHD AZLIM ZAINURY

MARANG

**N**elayan menjalankan perniagaan menyewa bot untuk aktiviti mencandat sotong mendapat durian runtuh apabila mampu memperoleh pendapatan melebihi RM100,000 semusim.

Musim mencandat sudah pun bermula sejak awal bulan ini dengan ada pemancing mampu men-

dapat hasil tangkapan mencapai ratusan kilogram (kg) sotong setiap malam.

Mazoney Mamat, 46, dari Marang yang menjalankan perniagaan menyewa bot untuk pemancing berkata, ada pelanggannya memperoleh hasil candat sehingga 50kg sotong satu malam.

Menurutnya, tangkapan tertinggi setakat ini ialah 130kg dan dijual pada harga mencecah RM28 sekilogram di pasar utama sekiranya hasil tangkapan terlalu banyak untuk dibawa pulang.

"Itu adalah tangkapan terbaik pelanggan saya setakat ini. Mereka yang mencandat sotong di laut sebenarnya dapat duit lebih banyak berbanding saya," katanya ditemui media di sini, semalam.



Rezeki melimpah musim mencandat malah pemancing turut membawa pulang hasil lumayan.

Mazoney berkata, perniagaan menyewa bot yang diusahakan adalah secara bersama dengan beberapa rakan dan perkhidmatan

mereka tidak lagi tersedia kerana sudah ditempah sehingga tahun depan.

Menurutnya, kadar sewaan bot dikenakan untuk

aktiviti mencandat sotong pula adalah sebanyak RM1,400 semalam yang bermula jam 5 petang sehingga 7 pagi hari berikut-

nya pada setiap hari.

"Aktiviti akan dihentikan pada Ramadan iaitu pada 4 Mei sehingga beberapa hari selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri tetapi kami tidak lagi menerima tempahan sebab sudah penuh," katanya.

Katanya, lebih 100 tempahan perkhidmatan bot diterima daripada pemancing dari luar negeri ini sepanjang musim mencandat sotong tahun ini yang bermula April hingga Oktober depan.

"Ramai pemancing dari Perak, Johor dan Pulau Pinang, ada juga dalam kalangan mereka yang terus membuat tempahan untuk tahun depan dan setakat ini kita sudah menerima lapan tempahan bagi tahun 2020," katanya.